

NORIAH MOHAMED

University Kebangsaan Malaysia, Malaysia ([nong@ukm.my](mailto:nong@ukm.my))

## SABDA PALON DAN NAYA GENGGONG DALAM NASKAH MELAYU

---

### Pendahuluan

**D**ua tokoh yang dijadikan judul perbincangan sememangnya tidak asing kepada peminat teks-teks Jawa namun nama-nama ini **tidak begitu dikenali** oleh penggemar teks Melayu melainkan yang akrab dengan teks Panji dan cerita *Damar Wulan*. Sungguh pun demikian lagak dan kelakuan kedua sosok ini ada persamaanya dengan watak pengiring dalam teks-teks Melayu terutama dalam wayang kulit Melayu yang masih hidup di Kelantan seperti tokoh **Pak Dogol** dan **Wak Long**. Keganjilan bentuk fizikal kedua sosok ini ada persamaanya dengan sosok panakawan/punakawan dalam teks-teks Jawa. Panakawan ini digambarkan dengan fizikal yang hodoh dan tidak normal seperti:

*Badannya tinggi besar dan hitam  
menyeramkan, rambutnya kusut acak-  
acakan, bibirnya dower, matanya juling...*  
(Sunan Pakubowono.1980:31)

Bentuk badan besar dan hitam amat sering menjadi suatu gambaran yang menakutkan dan tidak pernah dipaparkan badannya tinggi lampai dan berkulit kuning langsung. Seolah-olah di sini apa sahaja yang hitam sering dikaitkan dengan elemen buruk tetapi kadangkala yang hitam ini mempunyai

keindahan yang tersendiri.

Persolannya mengapa sosok-sosok ini yang selalu ditonjolkan dalam cerita-cerita panji? Jika ada pun panakawan wanita yang mengiringi Galuh selalunya gambaran fizikal tidak seburuk seperti yang dipaparkan kepada sosok panakawan lelaki Mereka digambarkan sebagai manusia biasa yang mempunyai kecantikan yang kadangkala menyamai tuannya. Justeru itu makalah ini akan menyorot sedikit perspektif sosok wanita sebagai pengasuh atau emban kepada tokoh wira dan wirawati dalam beberapa teks panji Melayu dan Cerita Lipur Lara Melayu.

### **Pengertian Panakawan**

Istilah ini adakalanya digunakan sebagai panakawan namun dalam makalah ini saya lebih suka menggunakan panakawan kerana istilah ini adalah gabungan daripada dua perkataan **pana** dan **kawan**. **Pana** bermaksud pandai dalam pengamatan atau sikap yang amat teliti tentang segala perkara yang bersangkutan dengan temannya, sedangkan **kawan** adalah teman atau sahabat. (Noriah.2005:141)

Daripada pengertian tersebut dapat dikatakan panakawan adalah sosok yang mendampingi tokoh wira atau wirawati dalam perjalanan kehidupan tokoh-tokoh ini pada sepanjang masa yang kadangkala mereka ini berperanan sebagai “*bodyguard*” untuk menjaga keselamatan tokoh-tokoh tertentu seperti Inu dan Galuh.

Dalam teks Melayu boleh dikatakan tidak ditemui nama Sabda Palon dan Naya Genggong trutama dalam Cerita Lipur Lara Melayu seperti *Hikayat Awang Suluh Merah Muda* , *Hikayat Malim Deman* atau *Hikayat Malim Dewa*. Tokoh pendamping kepada wira hanya dikenali sebagai Bujang Selamat dan Si Kembang China.

## Sabda Palon dan Naya Genggong

Kedua sosok ini kita temui dalam cerita *Damar Wulan* dan teks yang saya gunakan ini adalah teks terbitan Pustaka Antara Kuala Lumpur, yang dicetak pada tahun 1969. Kedua sosok ini menjadi pembantu kepada tokoh wira Damar Wulan yang pada awalnya adalah pembantu kepada Patih Udara iaitu ayah kepada Damar Wulan. Mereka berdua ini terus mengabdikan diri sehingga jika Damar Wulan dipukul oleh Layang Seta dan Layang Kunitir kedua panakawannya juga turut merasai kesakitan seperti yang terdapat pada episode:

- 1 Mereka bertiga harus merumput untuk makanan dua belas ekor kuda kepunyaan Patih Logender. (*Damar Wulan* :18)
- 2 Damar Wulan dipenjarakan...Sabda Palon dan Naya Genggong diikat tangannya (*Damar Wulan*:30)
- 3 Sewaktu cuba mengalahkan Menakjingga (*Damar Wulan*:114)
- 4 Semasa Layang Seta dan Layang Kunitir cuba membunuh Damar Wulan, kedua panakawan ini bersembunyi di sebuah telaga buta (*Damar Wulan*:137-138)

Dalam teks ini seolah-olah kedua sosok panakawan ini hidup sejak ayah Damar Wulan lagi sehinggalah di waktu Damar Wulan dalam pengabdian kepada pamannya Patih Logender. Dalam teks tersebut kedua sosok ini telah diberi makna oleh Soenarto Timoer.1980:63 dengan menyatakan bahawa **Sabda** membawa maksud **pengucapan** sedangkan **palon** bermaksud **barang yang sudah dipalu**. **Naya** membawa maksud **kebijaksanaan** menakala **Genggong** membawa makna **besar**. Justeru itu di mana-mana pun Damar Wulan berada kedua panakawannya akan tetap bersama dan ini bermaksud bahawa seseorang yang terang hatinya dan fikirannya (pengertian Damar Wulan) di mana-mana pun dia berada,

dirinya tidak akan lepas daripada kebijaksanaan dan setia kepada pengucapannya atau setiap kata akan dikota (Noriah.2005:143) Jadi sosok dua watak ini pada dasarnya tidak asing kepada masyarakat Jawa.

Dalam pewayangan Jawa sosok seperti Semar, Gareng , Petruk dan Bagung memainkan peranan penting kerana sosok-sosok inilah yang membawa senario kegembiraan dalam rentetan cerita. Keduanya bukan sekadar penghibur tetapi melebihi daripada itu kerana kesakitan yang dirasa oleh tuannya akan dirasainya juga. Misalnya dalam *Syair Ken Tambuhan* bagaimana kedua pengasuhnya Ken Penglipur dan Ken Tadahan sanggup mati bersama tuannya dan justeru itulah di dalam teks Jawa mereka dikenali sebagai *wulu cumbu* yaitu bulu yang ada di jempol kaki. Keduanya tidak akan terpisah dan inilah hakikat bahawa hidup dan mati pengabdian mereka akan sentiasa bersama tuannya.

Dari sudut yang lain mengapa sosok ini harus sentiasa bergandingan dengan tokoh tampan? Selalunya orang yang tampan akan berada bersama lingkungannya kerana setiap anak raja yang baru lahir akan sering dicari anak-anak orang kaya kerana dasar budaya yang sama dan tidak jauh berbeza. Di sini ada persamaannya dengan peribahasa ‘ Enggang sama enggang dan pipit sama pipit. Persoalannya ialah mengapa tokoh tampan harus digandengkan dengan tokoh lucu, jelek tetapi bijaksana. Pada sisi yang lain membawa makna yang tersirat bahawa dalam diri seseorang manusia akan sentiasa mempunyai unsur positif dan negatif dan di sinilah akal akan cuba dikerah agar tidak tunduk kepada nafsu. Kedua sosok sama ada tuan dan panakawan adalah cerminan seseorang manusia yang hidup di dunia ini. Perwatakan seperti ini (positif dan negatif) senantiasanya ada dalam setiap diri kita semua.

## Peranan Panakawan

Lumrahnya seseorang panakawan akan dibekalkan dengan kebijaksanaan atau dalam bahasa Jawa '*wicaksana*', mempunyai sifat jujur, dipercayai dan berani menghadapi sebarang risiko. Dalam teks *Damar Wulan* kedua sosok panakawan ini sentiasa memberikan nasihat dan dorongan yang positif buat tuannya Damar Wulan. Dengan adanya gambaran panakawan ini menjadikan cerita lebih menarik kerana ada humor yang diselipkan.

Dalam teks *Damar Wulan* juga dipaparkan sikap lucu Sabda Palon dan Naya Genggong terutama sewaktu Patih Logender tiga beranak diikat di belakang kuda dengan mukanya menghadap buntut/ekor kuda. Muka mereka bertiga terangkat-angkat sewaktu belakang kuda dipukul oleh kedua-dua panakawan ini (*Damar Wulan*:246)

Dalam teks cerita panji boleh dikatakan amat banyak adegan lucu panakawan yang membuatkan khalayak senang membacanya, begitu juga dalam pewayangan, sosok inilah yang menghidupkan suasana dan semaraknya rentetan sesebuah cerita.

17. *Si Panji lalu melepaskan pakaiannya dan segera mandi sambil berkata perlahan-lahan " Ayo! kekanda mandilah "* Bancak dan Doyok segera masuk ke dalam air sambil berkecimpung melompat-lompat.
18. *Ki Bancak tertawa sambil berkata," Oh airnya sangat harum baunya yang merasuk ke seluruh badan sehingga semuanya semerbak harum. Besuk bila aku pulang pasti kekandamu akan senang*
19. *lalu memelukku, oleh sebab tadinya bau badanku seperti kambing jantan tetapi sekarang amat harum baunya."Sambil ketawa Ki doyok berkata," Besuk apabila engkau pulang isterimu akan menggerutu dan bersungut-sungut terus menerus*

20. *kemudian menangis berguling-guling di dapur.*”Ki Doyok segera menyahut, “ *Kerana engkau harum maka kau kira kau akan bercumbu-cumbuan...*”  
(Sunan Pakubowono.1979:34).

Petikan di atas memaparkan sikap kelucuan Ki Doyok dan si Bancak dan adegan ini boleh dikatakan ada terselit di sana sini dalam setiap teks cerita panji. Dalam filem-filem kini pun adakalanya si pengarah/sutradara akan menyelitkan sosok-sosok lucu sebagai daya tarikan buat penonton selain mesej yang ingin disampaikan dapat sampai kepada khalayak.

Sosok Sabda Palon dan Naya Genggong dalam *Damar Wulan* tidak pernah digambarkan bagaimana fizikal mereka dan keadaan ini agak berbeza dengan cerita-cerita panji sama ada Jawa atau Melayu. Dalam teks-teks Panji, watak Inu selalunya didampingi sosok panakawan yang bertukar nama dalam penyamaran seperti paparan di bawah ini:

Hikayat	Nama Panakawan	Pertukaran Nama
(Hikayat Misa Jayeng Kusuma)	HMTJK	Jurude
	Punta	
	Prasanta	
	Semar jemuris	
	Jurude	Wiron
	Punta	Kuda Mangan Jaya
	Kertala	Kalang
	Semar	Kebo Sando Boma
		Bagus Cali
		Kuda Werta Wangsa
	Kertasina	Mangun Yuda

HDAJ ( <i>Hikayat Dewa Asmara Jaya</i> )	Wirun (Jurudeh) Kalang (Kartala)  Semar (Jaksa) Andaga (Punta) Turas (Jurudeh Tua)
---	--

---

HCWP ( <i>Hikayat Cekel Wanneng Pati Persanta</i> )	Persanta	
	Jemures	
	-----	
	Bagus Jaya	
	Kartala	Punta Wira Jaya
	Jemures	Jaran Wira Jaya
	Punta	Punta Wirayuda
Jerudeh	Rongga Warawangsa	

---

PKS ( <i>Panji Kuda Semirang</i> )	Jurudeh	Kuda Wiracita
	Kertala	Punta Wirajaya
	Semar	Wang Sawica
	Punta	Kuda Naracita
	Jenuris	Sutrawangsa

---

SKT ( <i>Syair Ken Tambahan</i> )	Wira Dandani
	Wira Puspan
	Wira Kerta
	Wira Pendapa

---

HPS ( <i>Hikayat Panji Semirang</i> )	Jurude	Wiron
	Persanta	Kiyai Lurah Semar
	Punta	Andaka
	Kartala	Kalang
	-----	
	Jurude	Demang karang
	Punta	Bendaka
	Kertala	Temenggung
	Persanta	Camat
		Menteri

---

Paparan di atas memperlihatkan betapa nama-nama lucu diberikan kepada sosok panakawan seperti Jurude dan Prasanta dan tidak dinafikan bentuk fisikal mereka selalu menggelikan hati. Sikap dan lagak mereka seolah-olah seperti badut atau “clown” yang tugasnya adalah untuk mencuit hati khalayak seperti yang kita temui di dalam sirkus-sirkus.

Dalam pewayangan Jawa watak panakawannya sebagaimana yang disebutkan di atas tadi ialah Semar, Petruk, Gareng dan Bagong. Kita perhatikan sahaja bentuk fisikal mereka yang tidak menyerupai manusia normal. Namun demikian pada masyarakat Jawa sosok-sosok ini bukan sembarangan orang malahan seperti Semar, dia adalah sosok yang berasal daripada dewa (Sri Mulyono.1978:28)

### **Panakawan Wanita Dalam Teks Panji.**

Dalam teks-teks Panji terdapat juga watak panakawan wanita yang menjadi pendamping kepada Raden Galuh Candera Kirana seperti paparan di bawah ini dan mereka tidak digambarkan hodoh dan jelek seperti panakawan lelaki. Dalam cerita lumrahnya panakwan wanita akan mendampingi



tokoh wanita, sedangkan panakawan lelaki akan menemani tokoh lelaki. Mereka bersiap siaga bertukar nama dan rupa demi menjaga keselamatan tuannya dan justeru itu suatu yang menjadi ciri teks panji adalah adanya unsur penyamaran dan pertukaran nama dan perilaku.

Hikayat	Nama Panakawan	Pertukaran Nama
HMTJK	Bayan	Ken Lara Sari
	Sanggit	Ken Puspa Sari
	Pasungan	
	Pasiran	
	Bayan	Endang Lara Sari
	Sanggit	Endang Puspa Sari
HCWP	Ken Bayan	
	Siabong	Ken Branta
PKS	Bayan	Sanggit
	Sanggit	Mayo Brangti
SKT	Ken Penglipur	
	Ken Tadahan	
HPS	Ken Bayan	Kuda Perwira
	Ken Sanggit	Kuda Peranca

Apapun gambaran yang diberikan kepada panakawan-panakawan ini, mereka adalah sosok manusia yang menumpahkan seluruh hidup buat tuan-tuannya. Mereka ini bukan sekadar pengiring tetapi terdapat peranan-peranan lain yang mereka mainkan seperti tersenarai di bawah ini:

- Penasihat sewaktu wira/wirawati dalam kesusahan

- Pemberi semangat sewaktu wira/wirawati dalam keadaan kritikal
  - Penyelamat sewaktu wira/wirawati dalam kesusahan
  - Pemberi ubat penyembuh sewaktu wira/wirawati sakit
  - Penghibur sewaktu wira/wirawati dalam kesedihan
  - Pengiring wira/wirawati dalam perjalanan dan pengembaraan
  - Pendidik kepada wira/wirawati pada setiap waktu.
  - Sahabat yang paling setia
  - Pembantu dalam menyempurnakan sembarang tugas.
- (Noriah.2005:166)

Disebabkan peranan panakawan ini pelbagai, maka sosok ini akan sentiasa bersama dengan tokoh tuannya. Mereka ini adalah pelengkap kepada suatu pembuktian sama da pada waktu kesusahan atau pun pada waktu kesedihan, dan penyelamat sewaktu dalam bahaya (Sri Mulyono.1978:66)

Kadangkala kita mempersoalkan adakah manusia seperti ini wujud di waktu ini yang menghabiskan masa hidupnya yang sentiasa patuh kepada seseorang sahaja? Realitinya ada seperti adanya kelompok-kelompok yang bernaung di bawah satu kuasa yang tidak boleh diganggu gugat. Andai berlaku gugatan risiko akan diterima oleh si penggugat.

Misalnya dalam *Hikayat Panji Semirang* kedua-dua panakwan Galuh akan bersikap seperti Galuh. Jika Galuh kuat sebagai pahlawan sewaktu perang tanding mereka juga digambarkan sama dan bila Galuh menyamar sebagai penari gambuh, mereka juga diberikan oleh pengarang watak yang sama. Ikatan ketiganya seperti isi dengan kuku. Kaitan ketiganya amat bersesuaian kerana panakawan ini mendampingi wanita sebagai tuannya. Hal ini agak berbeza dengan teks *Hikayat Malim Deman*.

## Panakawan dalam teks Melayu ( Lipur Lara Melayu)

Teks lipur lara lebih memperlihatkan cerita yang berfokus kepada istana yang dipenuhi dengan keindahan dan keagungan raja-raja lampau dengan putera-putera tampan dan puteri-puteri yang cantik jelita. Tempat berlakunya jarang ditulis secara nyata dan tidak dapat dicari tempatnya yang kadang dikenali sebagai negeri antah berantah. Makalah ini akan cuba melihat peranan si Kembang Cina sebagai panakawan dalam teks *Hikayat Malim Deman* dan *Hikayat Malim Dewa* walaupun sosok ini memainkan peranan yang hampir sama. Untuk lebih menjurus hanya teks *Malim Deman* yang digunapakai sebagai contoh.

### Si Kembang Cina

Sosok ini adalah seorang wanita yang pengabdianya hanya kepada tokoh wira Malim Deman sehingga dia bukan sahaja sebagai pengasuh tetapi juga sebagai penghibur sehingga dia dianggap seperti kekasih oleh Malim Deman.

*“ Aduhai adinda utama jiwa nyawa kekanda silakan ke mari teman kekanda...”<sup>4</sup>(Hikayat Malim Deman.1937:15) sehingga dia inilah yang menggosok mandi badan Malim Deman sehingga dikatakan:*

*“Sekali digosoknya*

*Dua tiga panau tercelik*

*Sekali digosoknya*

*Tiga empat panau tercelet*

*Hilanglah cahaya matahari*

*Timbullah cahaya Malim Deman”*

*( Hikayat Malim Deman.1937:16)*

---

<sup>4</sup> Ejaan –saya gunakan ejaan kini walaupun teks tertulis dengan ejaan lama seperti :terchelek...

Jika keintiman sudah sedemikian pastinya Si Kembang Cina bukan sebarang pengasuh kerana orang yang rapat sahaja yang boleh melakukan tugas sebegini. Keakraban tokoh Malim Deman dengan Si Kembang Cina bukan sekadar pengasuh dengan tuannya melainkan kekasih dengan kekasih dan paparan ini digambarkan melalui episod Malim Deman sanggup meninggalkan Puteri Bungsu kerana terus berulit dengan Si Kembang Cina selepas perkahwinan Malim Deman dengan PUteri Bungsu.

*...selama sudah mangkat ayahanda baginda itu sangatlah kelalihan memerintah negeri, asyik dengan menyabung , berjudi sahaja kerjanya. ...jangankan ia kembali ke istananya leka mendapatkan Si Kembang Cina kekasihnya yang dahulu dan kanda gundek yang lain-lain.*

*(Hikayat Malim Deman:46-47)*

Sosok Si Kembang Cina digambarkan sebagai wanita yang hanya mementingkan dirinya sendiri dan sanggup melukai hati isteri Malim Deman . Padanya Malim Deman adalah kekasihnya dan beberapa pantun dilakarkan oleh pengarang bagaimana hatinya terhiris bila Malim Deman ingin mengembara mencari Puteri Bungsu yang muncul dalam mimpinya melalui watak Tuan Syed Kramat Wali Allah ( *Hikayat Malim Deman:13*)

Puteri Bungsu ditinggalkan sehinggalah Puteri Bungsu melahirkan anak. Padahal untuk mendapatkan Puteri Bungsu, tokoh Malim Deman telah melakukan pengembaraan dan berkelana dan dengan pertolongan Nenek Kebayan, barulah Puteri Bungsu diperolehinya. Ikatan cinta di antara Malim Deman dipaparkan berulang kali melalui beberapa rangkap pantun yang menggambarkan ikatan hati keduanya. Mungkinkah di sini disebabkan Si Kembang Cina adalah seorang wanita dan pastinya bila sudah berdamping- rapat dengan tuan yang berlainan jantina, hati wanita mana yang

tidak tertarik kerana si tuan sering menunjukkan rasa kasih yang berlebihan. Gambaran ini dilukiskan lagi sewaktu Malim yang akan mengembara mencari Puteri Bungsu:

*Jangan berpauh-pauh padi,  
Ada biduk serempu pula,  
Jangan berjauh-jauh hati  
Asal hidup bertemu pula.*

*Batang selasih permainan budak,  
Berdaun sehelai dimakan kuda  
Bercerai kasih talak tiada,  
Seribu tahun kembali juga.*

( *Hikayat Malim Deman:24*)

Dalam teks *Damar Wulan* atau pun teks Panji panakawan-panakawan ini dijejerkkan dengan jantung yang sama tetapi dalam teks *Malim Deman* sebaliknya. Gambaran ini ada persamaannya dengan film “*The Body Guard*” yang meletakkan seorang peria menjaga tuannya yaitu seorang wanita dan akhirnya ikatan dua hati tidak dapat dileraikan.

Si Kembang Cina mempunyai satu tempelan khusus yang sehingga kini digunapakai sebagai suatu sikap positif yang harus dipunyai oleh orang Melayu iaitu:

*Bukan Si Kembang Cina zaman sekarang  
Si Kembang Cina Zaman dahulu,  
Belum disuruh sudah pergi,  
Belum dipanggil sudah datang.*

Sikap pro-aktif sosok inilah yang menambat hati Malim Deman. Jika dikaitkan dengan senario masa kini sikap seperti yang diperlukan untuk kejayaan diri dan kelompok yang dipunyainya. Bila berbicara tentang pro-aktif artinya seseorang harus berfikiran positif dan inovatif. Inilah suatu alat untuk kejayaan. Walaupun di sisi lain Si Kembang Cina

dilihat dari lensa negatif tetapi sebagai wanita berkerjaya, dia dapat mengedaptasi diei dengan keadaan dan lingkungan. Dia tahu kelemahan diri tuannya dan di situlah dia memainkan peranannya. Ertinya di sini untuk kejayaan dalam menawan seseorang , kita harus tahu kelemahan diri seseorang dan kelemahan inilah dijadikan untuk meraih kemenangan. Paparan sebegini banyak kita temui dalam teks-teks Melayu lainnya seperti episode Taming Sari dikalahkan oleh Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah*.

### **Penutup**

Sosok Sabda Palon dan Naya Genggong dari segi penggunaan nama sebenarnya suatu yang asing buat khalayak Melayu teapi jika dilihat dari segi peranan dan bentuk ada persamaan dengan cerita panji sama ada Jawa atau Melayu. Namun demikian sosok si Kembang Cina agak berbeda kerana tugas yang dipikulnya bukan untuk menjaga tuan yang sama jantina tetapi sebaliknya. Di sinilah daya kreativitas pengarang atau pengkarya dalam menggubah cerita yang amat digemari oleh khalayak Melayu. Bukan suatu keganjilan kalau wanita menjadi penjaga tokoh yang berlainan dan sehingga kini pun dikatakan Ketua Negara seperti Libya Muammar Gadhafi yang menggunakan wanita sebagai penjaga keselamatan dirinya. Sosok mengabdikan dan dedikasi bekerja saya kira wanita melebihi lelaki dan sebagai suatu bukti dalam dunia pendidikan kebanyakan guru adalah terdiri daripada wanita.<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup> Pengalaman di Malaysia.

### **Bibliografi:**

- Damar Wulan.1969. Kuala Lumpur : Pustaka Antara
- Noriah Mohamed.1992. *Hikayat Panji Semirang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Noriah Mohamed.2005. *Sastera Panji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Soenarto Timoer.1980. *Damar Wulan: Sebuah Lakon Wayang Krucil*.Jakarta:Balai Pustaka.
- Sunan Pakubowono. 1980. *Panji Sekar*. Jakarta: Departmen Pendidikan dan Kebudayaan
- Sri Mulyono.1978.*Wayang: Asal Usul Filsafat dan Masa Depan*nya Jakarta: Gunung Agung.
- Winstedt. R.O. (peny.) 1937. *Hikayat Malim Deman*. Singapore: Malaya Publishing House.

